

BN sudah bukti kemampuan

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) sudah membuktikan kemampuannya membawa rakyat dan negara ke arah cita-cita menjadikan Malaysia sebuah negara yang stabil, makmur dan dinamis.

Menurut Perdana Menteri, pencapaian itu adalah hasil daripada ketuhan, kerjasama dan sikap tolak-ansur serta kekeluargaan di kalangan anggota parti komponen BN.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, tradisi serta semangat BN sudah tertanam hingga menjadi budaya dan nilai hi-

dup sejak sebelum merdeka lagi, dipusakai daripada pemimpin di masa lalu hingga sekarang.

"Kita banyak terhutang budi kepada Bapa Malaysia yang menjadi pengasas konsep kerjasama antara kaum, Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Tan Siew Sin, Tun V T Sambanthan bersama dengan Tun Abdul Razak, Tun Dr Ismail, Tun Hussein Onn dan tokoh lain. Jasa mereka tetap dikenang.

"Saya sebagai Pengerusi BN mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada setiap anggota parti

BN yang bekerjasama dalam semangat muhibah dan tolak ansur.

"Selagi kita miliki dan amalkan pendekatan ini, Insya-Allah BN akan terus wujud dan berkuasa sehingga tercapai cita-cita rakyat menjadi bangsa yang berjaya dan bermaruah," katanya dalam perutusan sempena ulang tahun ke-20 BN.

BN adalah warisan Perikatan yang ditubuhkan sebelum Merdeka di antara Umno, MCA dan MIC bertujuan memperjuangkan kemerdekaan dan kedaulatan tanahair. Ia menjadi gabungan parti yang mewakili tiga kaum terbesar

di Semenanjung.

Perikatan kemudiannya diperluas menggabungkan parti di Sabah dan Sarawak hingga ia mencerminkan hasrat serta cita-cita tiap kaum dan suku dalam masyarakat Malaysia.

Bagi membolehkan semua parti menyertai kerajaan, parti lawan turut diterima dalam gabungan yang besar dikenali BN. Ia ditubuhkan pada 1 Jun 1974 dan merapatkan semula rakyat Malaysia yang berpecah selepas tragedi 13 Mei 1969.

Dr Mahathir berkata, pe-

LIHAT MUKA 2

Barisan sudah bukti kemampuan

DARI MUKA 1

nuhan BN sejurus selepas rusuhan kaum pada 1969 mencerminkan kesedaran rakyat Malaysia untuk bertoleransi di samping menjadi simbol semangat dan kematangan rakyat.

"Kemenangan BN setiap kali pilihan raya turut membuktikan rakyat menerima konsep kerjasama dalam BN. Kerajaan tidak pernah bertukar-tukar, dasarnya juga tidak bertukar dan negara dapat dibangunkan dengan jayanya.

"Ini turut menyebabkan pelabur asing dan tempatan tidak khuatir terhadap masa depan pelaburan mereka malah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi pesat," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, politik BN adalah politik kesederhanaan, semua kaum dan parti mem-

punyai kedudukan yang sama dalam Dewan Tertinggi BN, Umno kerana saiznya dijadikan teras supaya BN tidak dipecah-pecahkan.

"Umno juga menghormati pendapat parti yang kecil sama seperti parti lain menghormati masing-masing. Dengan menggunakan keputusan secara 'concensus' kepentingan parti atau kaum yang kecil tidak diketepikan.

"Bagi BN, walaupun berdiri dengan parti gabungan tetapi ia bertindak sebagai sebuah parti yang tulen. Parti komponen tidak bertanding antara satu sama lain dalam pilihan raya, sebaliknya bertindak sebagai calon BN.

"BN adalah parti gabungan sebelum pilihan raya, ia tidak lemah seperti parti gabungan yang dibentuk selepas pilihan

raya kerana tidak ada parti yang mempunyai cukup kerusi untuk membentuk kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, parti gabungan selepas pilihan raya mudah ditumbangkan dengan hanya penarikan diri satu rakan, penarikan diri manamana parti komponen tidak jejaskan majoriti BN.

"Oleh itu, kerajaan BN sukar digugat oleh ahli dewan kerana rakyat memberi kemenangan dua pertiga kepada BN. Kerajaan dapat menumpukan pembangunan tanpa ugutan dari luar dan dalam. Penarikan PBS tidak menjatuhkan BN walaupun dibuat semasa pilihan raya," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, Malaysia turut memberi tempat kepada parti lawan.